

13 JAN 1997

PERODUA KELUARAN KANCIL KE 100,000

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), yang baru-baru ini menghasilkan kereta mini Kancil yang ke 100,000 menyatakan ia akan mengeluarkan 68,000 unit Kancil dan 20,000 van Rusa tahun ini.

Di dalam satu kenyataan, syarikat itu berkata unit ke 100,000 itu dikeluarkan selepas hanya 29 bulan sejak pelancarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Ser Dr Mahathir Mohamad pada Ogos 1994.

Adalah dianggarkan bahawa pada penghujung tahun lalu, terdapat 96,000 unit Kancil di atas jalan.

Perodua menyatakan jualanannya bagi 1996 berjumlah kira-kira 51,000 unit atau 17.3 peratus pembahagian pasaran kereta penumpang tempatan.

Bercakap pada majlis khas sempena menandakan keluaran unit ke 100,000 tersebut, pengarah urusan Perodua, Abdul Rahman Omar berkata pengeluaran tersebut merupakan pencapaian ketara bagi syarikat kerana dua sebab. Pertamanya, kata beliau, Kancil telahpun mengenalpasti pasaran khusus segmen kereta penumpang tempatan. Keduanya, katanya tanpa komitmen sepenuh pihak pengurusan dan kakitangan, pencapaian cemerlang tidak mungkin berlaku.

Bukan sahaja Perodua mencapai kejayaan di pasaran tempatan tetapi juga berjaya menembusi pasaran eksport ke Burnei, Cyprus, Malta dan Mauritius.

"Kami sering meninjau pasaran seberang laut dan kini mengkaji secara serius pasaran United Kingdom sebelum suku ketiga tahun ini, tertakluk pada memenuhi ketetapan berhubung sistem keselamatan dan tatacara pengeluaran," kata Abdul Rahman.

Perodua setakat ini menjual 7,240 juta Rusa yang menjadi kenderaan pelbagai guna yang semakin popular bagi pengangkutan barangan dan penumpang.

"Kami berhasrat mengeluarkan 20,000 unit Rusa tahun ini. Peningkatan yang dibuat di kilang membolehkan kami menambahkan kemampuan kepada 120,000 unit kenderaan," kata Abdul Rahman.

Kilang Perodua terletak di Serendah mempunyai kemudahan pengeluaran yang mampu memenuhi tempahan dengan segera dan cekap dalam jangka panjang.

-- BERNAMA

BD MA